

Empat anggota sindiket dadah ditahan di Nibong Tebal

Posted on April 8, 2015, Wednesday

NIBONG TEBAL: Empat termasuk seorang wanita dipercayai anggota sindiket pengedaran dadah ditahan dan polis merampas heroin serta syabu dalam serbuan di sebuah hotel murah di Taman Simpang Ampat, di sini Sabtu lepas.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) Supt Wan Hassan Wan Ahmad berkata kesemua yang ditahan dalam serbuan pada jam 2 pagi itu berusia antara 23 hingga 34 tahun.

“Bilik hotel yang diserbu itu dijadikan tempat operasi sindiket berkenaan membungkus dan mengedar dadah. Kami menemui beberapa peketer dadah heroin dan syabu serta peralatan menghisap dadah.

“Selain itu, polis turut merampas enam bilah pisau, tiga topi keledar, 11 telefon bimbit, sebuah motosikal, tiga beg galas, dua utas jam tangan dan wang tunai RM2,024. Nilai keseluruhan rampasan ialah RM20,000,” katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Beliau berkata siasatan awal mendapati sindiket itu menyewa bilik hotel itu seminggu lepas sebagai tempat untuk membungkus dadah sebelum diedar kepada pelanggan di sekitar Nibong Tebal, Parit Buntar, Perak dan Bandar Baharu, Kedah. — Bernama